

e-BuletinUiTMCM

Citra



| UiTM Cawangan Melaka

JUL
eBuletinUiTMCM /22
Vol.07 -Julai

Selingi-linggi
Tahniah
kepada
**Penerima
APC
Tahun 2021**



Sorotan menarik bulan Julai :



Program Ibadah Korban 2022



Festival Masakan Warisan
Melaka (FMWM) 2022



Perjumpaan Ketua Polis Melaka
bersama Polis Bantuan





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Ketujuh - Julai 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2022 Hakcipta Terpelihara



| UiTM Cawangan Melaka

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor	6
------------------------	---

Program Universiti

Penyampaian Surat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2021	8
Majlis Pra Graduan Cakna Industri Kontemporari	9
Kunjungan Hormat Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Md Rani	10
Pertandingan Koir Kemerdekaan UiTM Kampus Bandaraya Melaka (KBM) 2022	11
Inisiatif Libatsama Komuniti dan Pembangunan Lestari (SDG) yang bertema 'Melaka Traditional Food Program 2022'	12
Program Ibadah Korban 1443H UiTM Kampus Alor Gajah	13
Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri II bertemakan "Prihatin kepada Ummah" di Kemboja pada 11 - 15 Julai 2022	14
Lawatan Penanda Aras dari Universiti Utara Malaysia di UiTMCM Kampus Alor Gajah	15
Perjumpaan Ketua Polis Melaka bersama Ketua-Ketua Agensi Polis Bantuan Kontinjen Melaka	16
Festival Masakan Warisan Melaka (FMWM) 2022	17
Lawatan Libat Urus Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka ke Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Kedah	18
Majlis Perasmian Program Transit Ilmu - Fasa 2	19
Program Pengantarabangsaan Menerusi Siri Lawatan Akademik dan Perbincangan Ilmiah antara UiTM Cawangan Melaka dan Universitas Islam Negeri Walisongo, Jawa Tengah, Indonesia	20
Majlis Perasmian 19th World Pencak Silat Championship 2022 bertempat MITC Melaka	21
Majlis Perasmian Penutupan Kejuaaraan Pencak Silat Sedunia 2022	22

Ucapan Tahniah, Kejayaan & Pencapaian Warga Universiti 23-29

Webinar	31
Siri Bengkel & Webinar Universiti	32

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Artikel/Liputan Media	33
Pengaruh media digital	34
Pengurusan teratur pastikan daging korban diagih secara adil	35
Anak seni berpolitik bukan kerana kecewa	35
Runding, struktur semula pinjaman	36
Dasar 'tunggang terbalik' lemahkan ringgit	36
Wujudkan undang-undang lebih tegas pelihara kesucian islam	37
Harga barang naik, rakyat terbeban	37
Diari siswa UiTM minggu akhir di kampus	38
Jangan pandang remeh isu kesihatan mental	39

Sidang

Redaksi

e-BuletinUiTMCM

    | UiTMCM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka



Ketua Editor

Akmal bin Adanan



Editor Buletin

Azniza binti Hasan



Editor Buletin

Hasnor Zura binti
Hashsim



Editor Buletin

Khalidah Hadibah binti
Md Khalid



Editor Buletin

Suraini binti Mohammad



Editor Grafik

Hail Jefri bin Rusti



Isi kandungan

Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan

Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan

Norazimah binti
Mat



UiTMCM *Telegram*
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "**Channel
STAF UiTMCM**"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "**Channel
PELAJAR UiTMCM**"

Dari Meja

KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.7 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Julai 2022 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Penyampaian Surat Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2021, Program Ibadah Korban 2022, Festival Masakan Warisan Melaka dan Perbincangan Ilmiah antara UiTM Cawangan Melaka dan Universitas Islam Negeri Walisongo, Jawa Tengah, Indonesia serta pelbagai lagi program lain.

Semoga segala hebahan maklumat di dalam buletin ini dapat dijadikan bahan dan rujukan buat semua warga kampus.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan

Ketua Unit Komunikasi Korporat



Program-program Universiti

Penyampaian Surat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2021



ALOR GAJAH, 1 Julai 2022 - YBhg Rektor menyampaikan Surat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2021 kepada 82 orang penerima pada pagi ini terdiri daripada 45 penerima dari Kampus Alor Gajah, 17 penerima dari Kampus Bandaraya Melaka dan 20 penerima dari Kampus Jasin. Jumlah keseluruhan 82 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021 ini mewakili jumlah keseluruhan staf UiTM Cawangan Melaka iaitu seramai 1,011 orang. (Data pada 31 Disember 2021).



Majlis Pra Graduan Cakna Industri Kontemporari



2 Julai 2022 - Telah berlangsung Majlis Pra Graduan Cakna Industri Kontemporari bertempat di Hotel LaCrista, Melaka. Majlis telah dihadiri oleh Prof. Ts. Dr. Azhan Hashim @ Ismail, Dekan FPA, Tuan Haji Anuar Ahmad, Pengerusi Persatuan

Alumni Perladangan UiTM (PAPU), barisan pengurusan eksekutif FPA, wakil-wakil dari PAPU dan industri, staf dan para pelajar yang diraikan. Tahniah dan syabas kepada Puan Nur Suraya selaku penasihat program dan semua yang terlibat.

Kunjungan Hormat Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Md Rani



ALOR GAJAH, 6 Julai 2022 - Kunjungan Hormat Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Md

Rani bersama delegasi ke UiTM Cawangan Melaka pada petang ini. Delegasi disambut oleh Prof Madya Dr Ismadi Md Badarudin,

Timbalan Rektor HEA mewakili Rektor bersama Ketua Pusat Pengajian ACIS UiTM Melaka.

Pertandingan Koir Kemerdekaan UiTM Kampus Bandaraya Melaka (KBM) 2022



MELAKA, 5 Julai 2022 - Telah berlangsung Pertandingan Koir Kemerdekaan UiTM Kampus Bandaraya Melaka (KBM) 2022 bertempat di Auditorium Ibu Zain semesta telah diumumkan oleh Penolong Rektor KBM, Dr Mohd Halim bin Mahphoth. Pertandingan secara bersempena ini buat pertama kalinya berjaya dianjurkan oleh Unit Kebudayaan dengan kerjasama Kelab Warisan Budaya (KW/B) & PTAR UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Pertandingan yang dianjurkan bagi mencungkil bakat mahasiswa UiTM ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelajar.

Menurut Penasihat Program Encik Mohd Isham Abidin, pertandingan ini melibatkan 15 pasukan yang terdiri daripada pelajar semester 5 dari pelbagai kelas. Tempat pertama telah diungguli oleh kumpulan pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (HM2415B), tempat kedua dimenangi oleh kumpulan pelajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan Jurusan Sumber Manusia (BA2435C) dan seterusnya tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan pelajar dari Jurusan Perniagaan Antarabangsa (BA2465C).

Inisiatif Libatsama Komuniti dan Pembangunan Lestari (SDG) yang bertema 'Melaka Traditional Food Program 2022'



JASIN, 5-7 Julai 2022 - Telah berlangsung aktiviti Fasa ke-3 untuk Inisiatif Libatsama Komuniti dan Pembangunan Lestari (SDG) yang bertema 'Melaka Traditional Food Program 2022' di Mukim Bukit Senggeh, Selandar Melaka. Program Khidmat Masyarakat Universiti (USR) yang bersifat pemindahan ilmu (KTP) ini dianjurkan oleh Unit ICAN, Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Kelab Dbankers, Bahagian Hal Ehwal

Pelajar (HEP). Rakan Kolaborasi dari pihak industri dan komuniti yang berganding bahu menjayakan program ini termasuk Bens Maju Services, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Negeri Melaka, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Cawangan Melaka, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Bukit Senggeh serta Tadika KEMAS Bukit Senggeh.



Program Ibadah Korban 1443H UiTM Kampus Alor Gajah

ALOR GAJAH, 13 Julai 2022 - Warga di UiTM Kampus Alor Gajah bersama-sama melaksanakan ibadah korban bertempat di sekitar Pejabat ACIS pada hari ini.

Terima kasih kepada Keluarga UiTM Melaka yang terlibat dalam ibadah korban serta bekerjasama menguruskan 5 ekor lembu dan dibahagi-bahagikan kepada kakitangan di kampus. Semangat gotong royong yang digalas dalam melaksanakan ibadah korban ini amatlah dihargai.

Turut hadir, En Ahmad Khairuman Md Hasim, Penolong Rektor KJM, juga Menjalankan Tugas-Tugas Rektor, PROF Madya Dr Ismadi Md Badarudin, Timbalan Rektor HEA dan Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP dalam ibadah korban pagi ini.



Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri II bertemakan "Prihatin kepada Ummah" di Kemboja pada 11 - 15 Julai 2022




Telah selesai Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri II bertemakan "Prihatin kepada Ummah" di Kemboja pada 11 - 15 Julai 2022. Program berbentuk CSR + ibadah korban ini meliputi perbagai aktiviti kebajikan dan khidmat masyarakat,

disamping melaksanakan ibadah korban Aidiladha di Kemboja. Menurut pengarah program, En Mohd Isham bin Abidin, program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar dan staf tentang kondisi kehidupan dan aktiviti-aktiviti masyarakat Islam di Kemboja sekaligus

membantu dan memberi sinar kegembiraan kepada masyarakat minoriti Islam di Telah selesai Program Pengantarabangsaan Khidmat Masyarakat: Korban dan Wakaf Telaga di Kemboja Siri II bertemakan "Prihatin kepada Ummah" di Kemboja pada 11 - 15 Julai 2022.

Lawatan Penanda Aras dari Universiti Utara Malaysia di UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah



ALOR GAJAH, 20 Julai 2022- Telah berlangsung Lawatan Penanda Aras dari Universiti Utara Malaysia di UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Lawatan tersebut telah dihadiri pensyarah-pensyarah Kanan Universiti Utara Malaysia yang terdiri daripada Dr. Muhamad Fikri Aziz, Pengurus, PB SLDN UUM, Dr. Nor Aina Mhd Khotib, Pengarah, Institut Pengurusan Halal (IHM), Dr. Syarifah Md. Yusof, Felo Penyelidik IHM, dan Kapten Dr. Mohd Adib Abd Muin, IFP, CQIF

daripada Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS). Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk perkongsian pintar, perolehan input-input yang berguna berkaitan proses dan pengalaman UiTM Cawangan Melaka menjalankan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di bawah Projek Khas UiTM Cawangan Melaka : 1 Student 1 Skill (OS1S). Rujukan ini adalah bagi pelaksanaan Program SLDN di Universiti Utara Malaysia yang telah ditauliahkan pada 1 Februari 2022.

Perjumpaan Ketua Polis Melaka bersama Ketua-Ketua Agensi Polis Bantuan Kontinjen Melaka



MELAKA, 20 Julai 2022 – Telah berlangsung Perjumpaan Ketua Polis Melaka, YDH DCP Dato' Zainol bin Hj. Samah bersama Ketua-Ketua Agensi Polis Bantuan Kontinjen Melaka di Auditorium Tingkat 3, Ibu Pejabat Kontinjen Melaka. Perjumpaan ini bertujuan untuk menyampaikan amanat kepada semua Ketua Agensi Polis Bantuan Negeri Melaka agar sentiasa komited dalam menjaga identiti dan nama baik Pasukan Polis Diraja



Malaysia. Selain itu, perjumpaan ini juga adalah bagi memastikan semua Ketua Agensi Polis Bantuan serta semua Pegawai Kanan dan anggota mengenali dengan lebih dekat Pegawai Tertinggi Kontinjen Melaka. Majlis dimulakan dengan ucapan YDH Ketua Polis Melaka dan diikuti dengan sesi dialog bagi memberi

peluang kepada Ketua-Ketua Agensi Polis Bantuan untuk mengutarakan soalan-soalan yang dikemukakan mengenai permasalahan yang berlaku semasa bertugas di lapangan. Sementara itu, wakil daripada Agensi Polis Bantuan UiTM Cawangan Melaka, DSP/PB Mohd Suffian bin Abdul Raman menyampaikan cenderahati kepada Ketua Polis Melaka, YDH DCP Dato' Zainol bin Hj. Samah sebagai tanda penghargaan.

Festival Masakan Warisan Melaka (FMWM) 2022



MELAKA, 24 Julai 2022 - Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), UiTMCM telah menyertai Festival Masakan Warisan Melaka (FMWM) 2022 anjuran Perbadanan Muzium Melaka berlangsung dari 22 Julai sehingga 24 Julai 2022 bertempat di Jalan Kota, Melaka. Hampir 60 gerai terdiri daripada dari perbadanan muzium negeri, homestay, institut pengajian tinggi serta pihak awam awam dan swasta menyertai festival 3 hari ini setiapnya menampilkan hidangan tradisi daripada

negeri-negeri di Malaysia serta pelbagai etnik untuk dijamu kepada pengunjung. FPHP menyediakan menu fusion khas iaitu sushi asam pedas, inang-inang canapes, cucur bawang ring dan onde-onde latte kepada para tetamu yang datang ke gerai sepanjang festival berlangsung. Para tetamu juga boleh merasa pelbagai makanan asli dari gerai-gerai lain seperti nasi kerabu, nasi dagang, kuih bakar, dodol, putu piring, masak lemak, kuih keria, cekodok pisang, seri muka, onde-onde dan banyak lagi.

Lawatan Libat Urus Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka ke Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Kedah



24 Julai 2022 - Lawatan Libat Urus Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka ke Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Kedah. Sesi dimulakan dengan kata-kata aluan dari Prof. Madya Dr Ahmad Fadhly Arham, barisan Koordinator Program, Penyelaras Program dan Pengurus Program Utama, FPP UiTM Cawangan Melaka.

Majlis Perasmian Program Transit Ilmu - Fasa 2



ALOR GAJAH, 26 Julai 2022 - Telah berlangsung Majlis Perasmian Program Transit Ilmu - Fasa 2 bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Alor Gajah dirasmikan oleh Encik Ahmad Khairuman Md Hasim yang Menjalankan Tugas-Tugas Rektor pada pagi ini. Atas rasa tanggungjawab melestarikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang 2030, PTAR dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022 telah meneruskan inisiatif pada tahun ini melalui Program

Transit Ilmu Fasa 1 dan Fasa 2 dan kali ini melibatkan 6 buah sekolah iaitu:

- Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Talib Karim,
- Sekolah Menengah Kebangsaan
- Dato' Dol Said, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pengkalan,
- Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1,
- Sekolah Kebangsaan Lendu dan
- Sekolah Kebangsaan Dato' Naning.



Tahniah kepada Puan Noor Hayati Binti Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, Pn. Sariah Che Man, Ketua Projek dan Ahli Jawatankuasa kerana telah berjaya mengadakan program yang begitu baik sebagai tanggungjawab kita kepada komuniti setempat.

Program Pengantarabangsaan Menerusi Siri Lawatan Akademik dan Perbincangan Ilmiah antara UiTM Cawangan Melaka dan Universitas Islam Negeri Walisongo, Jawa Tengah, Indonesia



MELAKA, 26 Julai 2022 – UiTM Cawangan Melaka dan Universitas Islam Negeri Walisongo, Jawa Tengah, Indonesia hari ini telah menjayakan program pengantarabangsaan menerusi siri lawatan akademik dan perbincangan ilmiah yang diadakan Dewan Syura Al-Mizan, UiTM Kampus Alor Gajah. Lawatan akademik ini merupakan penerus hubungan baik antara kedua-dua universiti selepas dua siri outbound dan inbound yang telah dilaksanakan sebelum ini. Delegasi UIN Walisongo ke Melaka kali ini yang diketuai oleh Dr. H. Tolkah, Wakil Dekan (Perencanaan dan Kewangan), Fakultas Syariah dan Hukum dan telah disambut oleh Encik Ahmad Khairuman Md Hasim, Menjalankan Tugas-Tugas Rektor UiTMCM. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Barisan Jawatankuasa

Eksekutif Negeri (JKEN, Timbalan Dekan Fakulti, Ketua Pusat Pengajian serta pengurusan tertinggi Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), selaku penganjur utama bagi siri lawatan akademik kali ini. Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua universiti menerusi perbincangan ini adalah perkongsian kepakaran, latihan dan pemikiran saintifik antara kedua-dua pihak dalam bidang sains sosial khususnya Astronomi Islam (Falak), Syariah dan Hukum serta Kemanusiaan. Selain itu, kerjasama dalam penyelidikan yang berkaitan dengan keperluan pembelajaran pelajar, penganjuran seminar, konferensi, kursus jangka pendek dan panjang serta program khidmat masyarakat dalam kalangan pelajar dan komuniti juga akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Majlis Perasmian 19th World Pencak Silat Championship 2022 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC)



AYER KEROH, 26 Julai 2022 - Telah berlangsung Majlis Perasmian 19th World Pencak Silat Championship 2022 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC) yang telah dirasmikan oleh TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Menurut Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor HEP,

UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menghantar 40 pelajar sebagai Sukarelawan sepanjang kejuaraan bermula 26 hingga 31 Julai 2022. Kejuaraan Pencak Silat Dunia tahun ini menampilkan kira-kira 500 atlet dari 40 negara, antaranya India, Pakistan, Kazakhstan, Uzbekistan, Mesir, Amerika Syarikat, Belanda, United Kingdom,

Indonesia serta Malaysia. Majlis itu turut dihadiri Presiden Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT), Datuk Seri Probowo Subianto; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali; Penasihat Kehormat Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), Datuk Seri Najib Razak dan Presiden PESAKA, Datuk Wira Megat Zulkarnain Oмарdin.

Majlis Perasmian Penutupan Kejuaraan Pencak Silat Sedunia 2022



AYER KEROH, 31 Julai 2022 - Majlis Perasmian Penutupan Kejuaraan Pencak Silat Sedunia 2022 berlangsung malam tadi bertempat di MITC, Ayer Keroh Melaka. UiTM Cawangan Melaka diberi penghargaan sebagai Rakan Kerjasama Kejuaraan pada kali ini. Cenderahati Penghargaan telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Turut hadir Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar bersama Datuk Seri Probowo

Subianto, Presiden Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT), Datuk Seri Sulaiman Md Ali, Ketua Menteri Melaka, dan Datuk Wira Megat Zulkarnain Oмарdin, Presiden PESAKA dalam majlis penutup ini. Syabas diucapkan kepada para pemenang Kejuaraan Pencak Silat Dunia ke-19 tahun ini dan penghargaan kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) penganjur acara bertaraf dunia dan meletakkan martabat seni silat ke satu tahap lebih tinggi.



UCAPAN TAHNIAH,
KEJAYAAN & PENCAPAIAN
WARGA UNIVERSITI



En. Mohd Radzie Mohd Ramli

atas kenaikan pangkat
Penjaga Jentera Elektrik Kanan (J22)
berkuat kuasa
30 Mac 2022

daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

 www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



En. Abdul Hadi Mohd Salleh

atas kenaikan pangkat
Penolong Jurutera Kanan (JA36)
berkuat kuasa
1 Julai 2022

daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

 www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Tahniah

Pn. Noor Masfazura Mamat
atas kenaikan pangkat
Pegawai Eksekutif Kanan (N32)
berkuat kuasa
16 Julai 2022

daripada
**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM

    www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Tahniah

En. Nasaruddin Abu Bakar
atas kenaikan pangkat
Kerani Tertinggi (N26)
berkuat kuasa
1 Julai 2022

daripada
**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM

    www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Tahniah

Pn. Fuziyah Uzir

atas kenaikan pangkat

**Kerani Kanan
(N22)**

berkuat kuasa

2 Julai 2022

daripada

**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM

    www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Tahniah

**Pn. Noor Rafidah
Ibrahim**

atas kenaikan pangkat

**Kerani Kanan
(N22)**

berkuat kuasa

2 Julai 2022

daripada

**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM

    www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARIA

Cawangan Melaka

Tahniah

Pn. Nora Isa
atas kenaikan pangkat
Kerani Kanan
(N22)
berkuat kuasa
2 Julai 2022

daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

 www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARIA

Cawangan Melaka

Tahniah

Pn. Siti Amirah Osman
atas kenaikan pangkat
Kerani Kanan
(N22)
berkuat kuasa
26 Julai 2022

daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

 www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Congratulations



UITM Recipient of
Prototype Development Research Grant (PRGS) 2022

Project entitled
**Development of Integrated Intelligent Early Detection
and Warning System for Dengue Outbreak Prediction**

Amount granted : **RM 223,800.00**

Research Team:
Dr Wan Fairos Wan Yaacob (Leader/Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM Kelantan)
Assoc. Prof. Ir Ts. Dr Nazri Che Dom (Faculty of Health Sciences)
Dr Syerina Azlin Md Nasir (Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM Kelantan)
Mrs. Nor Azylia Ahmad Azam (Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM Malaka)
& Prof. Dr Yap Bee Wah (UNITAR International University)

from
Office of Deputy Vice-Chancellor (Research & Innovation)

 <https://tncpi.uitm.edu.my/>  @tncpi_uitm  tncpi_uitm  TNCPI UiTM | [#bevisible](#)



Cawangan Melaka

Tahniah

Danis Harun Arisanuar
Pelajar Diploma Rekabentuk Industri

atas kejayaan

Tempat Ketiga

dalam

Majlis International Furniture Fair (MIFF)
Furniture Design Competition (FDC) 2020
6 Julai 2022

bertempat di

Malaysia International Trade
& Exhibition Centre (MITEC)

daripada

Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM



www.maketa.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Tahniah

En. Abu Bakar Abdul Aziz
Pensyarah FSSR

atas kejayaan

Best Mentor

dalam

Majlis International Furniture Fair (MIFF)
Furniture Design Competition (FDC) 2020
6 Julai 2022

bertempat di

Malaysia International Trade
& Exhibition Centre (MITEC)

daripada

Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM



www.maketa.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Siri Bengkel / Webinar / Persidangan

Universiti

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka

PROGRAM CERAMAH AGAMA

"BERKORBAN DI DUNIA VIP DI AKHIRAT"

TARIKH : 7 JULAI 2022
(KHAMIS)
MASA : 10.00 - 11.00 PAGI

PENCERAMAH JEMPUTAN:
USTAZ SYAMSUL AMRI
HJ ISMAIL @ SYAMSUL DEBAT

QR CODE

f LIVE

FB : <https://www.facebook.com/heimelaka/>

ANJURAN : UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTM CAWANGAN MELAKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Perpustakaan Tun Abdul Razak #MelayanDenganPintar #MembantuMasaHadapan

SIRI WEBINAR
Online Database
EMERALD INSIGHT

20 Julai 2022 (Rabu)
10:00 Pg - 12:00 T/hari

QR CODE

SCAN ME

CIK HAZLIN IBRAHIM KHAN
Pustakawan Kanan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Cawangan Melaka

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Perpustakaan Tun Abdul Razak #MelayanDenganPintar #MembantuMasaHadapan

Siri WEBINAR
ONLINE DATABASE
ClinikalKey

JUMAAT
22 JULAI 2022
10:00 PG - 12:00 T/HARI

QR CODE

SCAN ME

NUR FATIHAH MUHAMAD
Pustakawan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Cawangan Selangor



Artikel / Liputan Media

Pengaruh media digital



PERSPEKTIF
SHAFEZAH ABDUL WAHAB

Politik Malaysia telah memanfaatkan media digital bagi memudahkan pelbagai tujuan yang dapat memberikan keuntungan secara mudah kepada pemimpin, parti politik, atau pun kerajaan pemerintah. Umum mengetahui, bidang politik merupakan suatu ruang yang sangat subjektif sifatnya.

Dalam konteks politik Malaysia, penggunaan media digital telah bermula sejak akhir tahun 1990-an lagi. Pada ketika itu, oleh kerana kawalan media perdana yang tidak membenarkan isu-isu sensitif disebarluaskan dalam kalangan masyarakat, parti politik seperti DAP, Pas dan Semangat 46 membangunkan laman web masing-masing serta ruangan perbualan untuk memudahkan para penyokong serta masyarakat mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan politik semasa, serta kempen pilihan raya yang akhirnya diterjemahkan kepada sokongan terhadap parti politik terbabit.

Selepas itu, pada awal tahun 2000,

kebanyakan parti politik termasuk juga parti pemerintah turut menggunakan strategi sama bagi meraih dan merapatkan sokongan masyarakat terhadap mereka. Hanya selepas munculnya Facebook pada tahun 2004 dan dibuka kepada masyarakat dunia pada tahun 2006, bermulalah era baru dalam landscape politik Malaysia yang mengamalkan konsep mediatization yang merupakan perkembangan sistem politik yang dipengaruhi oleh media digital dan situasi politik semasa.

Sejak awal penggunaan media digital di Malaysia, kandungannya telah berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat untuk memilih parti dan pemimpin yang diidamkan. Hal ini telah dibuktikan melalui tiga Pilihan raya Umum (PRU) Malaysia sebelum ini, iaitu pada PRU ke-12, PRU ke-13 dan PRU ke-14. Ketiga-tiga pilihan raya tersebut telah melibatkan sejumlah besar penggunaan media digital dan media sosial dalam kalangan parti politik, pemimpin, pihak kerajaan dan juga pembangkang.

Walaupun interaksi sosial masih lagi penting dalam kalangan pemimpin, ahli parti politik dan akar umbi untuk menarik sokongan masyarakat, kekuatan media digital dan media sosial melalui Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube telah berjaya memberi kesan besar kepada kekalahan parti Barisan Nasional pada PRU ke-14 yang lalu.

Walaupun terdapat pelbagai faktor lain yang boleh dikaitkan dengan kekalahan tersebut, peranan media sosial serta kandungan maklumat berjaya mempengaruhi para pengundi berdaftar dan akhirnya Pakatan Harapan berjaya membentuk kerajaan pada tahun 2018.

Situasi ini sebenarnya banyak memberikan panduan dan pengajaran yang bermakna kepada para pemerhati politik, pengkaji, ahli akademik, sarjana dan intelektual, memberi perhatian serius kepada media sosial.

Jika dilihat sepintas lalu, isu-isu tempatan yang menjadi perdebatan di media sosial terfokus kepada kesan ekonomi terhadap survival masyarakat dalam menghadapi cabaran terhadap pandemik Covid-19.

Isu-isu ekonomi seperti pengeluaran KWSP melalui i-sinar, moratorium, kehilangan pekerjaan, kebergantungan terhadap perniagaan berskala kecil, dan sebagainya menjadi isu utama yang sering dihujah dan diperdebatkan di kebanyakan laman media sosial.

Selain daripada isu yang terkait dengan Covid-19, kebanyakan warga maya juga sangat prihatin kepada perkembangan yang berlaku serta reaksi ditunjukkan oleh mana-mana parti dan pemimpin yang mewakili parti politik.

Contohnya parti UMNO dan Pas dilihat sebagai suatu gabungan yang sangat mantap untuk membela dan

mempertahankan hak etnik Melayu secara umum. Kedua-dua parti yang telah berusia lebih daripada 50 tahun ini merupakan benteng harapan untuk etnik Melayu, memastikan hak dan kepentingan mereka.

Namun demikian, kredibiliti yang sering ditunjukkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia ke-6 sering mendapat perhatian warga maya dan ini memberikan sedikit kelebihan untuk UMNO membina kembali reputasi mereka.

Ringkasnya media digital dan kandungannya telah berjaya menginstilkan masyarakat Malaysia secara umum. Media digital berperanan besar dalam menyampaikan maklumat secara atas talian dan masyarakat yang memiliki pengetahuan dan kepakaran dalam menggunakan peranti pintar dapat mengakses dengan mudah maklumat yang terkandung dalamnya.

Kebergantungan rakyat Malaysia terhadap maklumat ini sangat tinggi dan Malaysia merupakan salah satu negara mencatatkan jumlah pengguna media sosial tertinggi di Asia. Media digital bukan sahaja menyediakan platform membina budaya dan identiti baru, malah ia juga berperanan membentuk landscape politik dan pentadbiran baharu menjelang PRU15 nanti.

* Shafezah Abdul Wahab ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi UiTM Cawangan Melaka.

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
02 Julai 2022

Shafezah Abdul Wahab

Pensyarah Kanan

Fakulti Komunikasi Pengajian Media

UiTM Cawangan Melaka



Artikel Akhbar - Berita Harian
03 Julai 2022

Dr. Mohamad Idham Md Razak

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengurusan Perniagaan

UiTM Cawangan Melaka

Pengurusan teratur pastikan daging korban diagih secara adil



Othman Jismi Md Salleh
bhrencana@bl.com.my

Tinggal dua hari lagi umat Islam akan menyambut Aidiladha, sinonim dengan ibadah korban diadakan bermula selepas selesai solat sunat hari raya hingga berakhirnya hari Tasyriq, iaitu 13 Zulhijjah.

Biasanya ibadah korban dilakukan di masjid dan surau secara berkelompok dengan pelaksanaannya diuruskan pengurusan korban yang dilantik jawatankuasa bermula proses pembelian dan menyembelih haiwan ternakan hingga pengagihan daging serta bahagian lain kepada penerima korban.

Bagi memastikan hukum-hukum berkaitan ibadah korban dipatuhi terutama pengurus dan jawatankuasa terbahit, Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban sebagai rujukan semua pihak.

Dalam konteks agihan korban sunat pula, paling afdal menurut mazhab Shafie ialah dengan bersedekah kesemua bahagian korban kecuali beberapa ketul atau suapan berpatutan untuk dimakan orang berkorban untuk mengambil keberkatan. Umat dalam mazhab Shafie berpendapat penerima agihan korban sunat boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu orang melakukan korban, diagih-

kan kepada fakir miskin dan dihadiahkan kepada orang lain termasuk orang kaya dan jiran.

Bagaimanapun, antara risiko dan kelemahan mungkin berlaku dalam menguruskan agihan korban kepada penerima ialah pengagihan tidak mengikut prinsip keadilan digariskan dalam Islam seperti tidak disampaikan kepada fakir miskin, agihan korban diberikan kepada petugas sebagai upah kerja, agihan tidak saksama dalam kalangan ahli karlah dan pengambilan tanpa kebenaran pengurusan korban.

Pada masa sama, aspek sering diabaikan dalam pengurusan daging korban ialah tiada penyimpanan rekod terperinci mengenai agihan korban dilaksanakan kerana ia selalu dilakukan secara tidak formal.

Berdasarkan kajian kumpulan penyelidikan Kajian Korban dan Masjid (KKM) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, terdapat pengurusan korban secara berkelompok menggunakan sistem agihan secara formal dengan dokumentasi lengkap.

Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan aktiviti kawalan dalam dapat memastikan objektif ibadah itu secara amanah dan adil dicapai, mengurangkan rungutan dalam kalangan ahli karlah dan peserta korban serta mempertingkatkan peratusan agihan kepada fakir miskin.

Sistem kawalan dalam dalam pengurusan agihan turut memberikan keyakinan kepada orang

ramai untuk menyertai ibadah itu secara berkelompok.

Antara aktiviti kawalan dalam dikenal pasti termasuk perancangan agihan dimaklumkan kepada peserta, pengurusan pangkalan data ahli karlah, penggunaan bekas agihan khas dilabelkan, elaran kupon agihan kepada ahli karlah, akuan penerimaan agihan secara bertulis, rekod agihan terperinci serta penyediaan laporan pecahan agihan selepas majlis korban selesai dilaksanakan.

Justeru, bagi meminimumkan risiko daging korban disalah agih, pihak pengatur dan pengurus disarankan merangka dan mengamalkan sistem agihan korban telus, sistematik dan berupaya mencapai objektif secara amanah dan adil selaras kehendak syariah.

Agihan tanpa sebarang dokumentasi pula sewajarnya dielak bagi menghindari ketirisan dalam pengurusan, manakala sistem diguna perlu memastikan penerima dalam kategori fakir miskin diberikan agihan mengikut kadar sepatutnya.

Sebagai asas, sekurang-kurangnya satu rekod agihan terperinci, sama ada secara bertulis atau dalam sistem komputer perlu disimpan pengurusan sebagai rujukan.


Justeru, anutan sistem kawalan dalam berkenaan bagi agihan korban berkelompok meminimumkan risiko salah agih dan mampu capai objektif agihan tercapai seperti dikehendaki syariah.

Artikel Akhbar - Berita Harian
08 Julai 2022

Jismi Md Salleh

Pensyarah Kanan
Fakulti Perakaunan
UiTM Cawangan Melaka

Anak seni berpolitik bukan kerana kecewa



Othman Shafezah Abdul Wahab
bhrencana@bl.com.my

Keputusan pemilihan Ketua Cabang PKR Ampang yang berubah dua kali, termasuk daripada nama pengarah dan pelakon, Datuk Hans Issac kepada penyanyi, Altimet turut memperlihatkan semakin ramai anak seni mencuba politik.

Selain mereka, pelakon dan pengarah, Datuk Afdlin Shauki bertanding merebut jawatan Ketua Cabang Setiawangsa, tetapi tewas kepada Nik Nazmi Nik Ahmad yang turut memenangi jawatan Naib Presiden PKR.

Sebenarnya, pembabit artis dalam politik bukan asing kerana pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), beberapa penyanyi dan pelakon seperti Datuk Wan Aishah Wan Ariffin (Aishah), Tengku Intan Tengku Abdul Hamid (Dayangku Intan), Hairie Othman dan Herman Tio turut bertanding biar pun kecundang.

Beberapa nama seperti Shahrol Shiro dan Anne Ngasri juga terlibat secara serius dalam politik di negara ini.

Malah, pelakon, Datuk Khaidhirah Abu Zahar bukan sahaja menang kerusi Dewan Undangan Ne-

geri (DUN) Rim pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka tahun lalu, bahkan dilantik sebagai Timbalan Speaker DUN Melaka.

Hakikatnya, pembabit artis dalam politik kerana biasa di pentas antarabangsa. Paling jelas, bekas pelakon popular Hollywood, Ronald Reagan yang kemudian menjadi Presiden Amerika Syarikat (AS); Arnold Schwarzenegger menang sebagai Gubenor California serta Joseph Estrada menjadi Presiden Filipina.

Wujud landskap politik baharu

Dalam konteks tanah air, artis tempatan terbahit dalam politik mewujudkan landskap politik baharu untuk Malaysia kerana negara memiliki pelbagai individu membawa pelbagai insid dan citra politik.

Bagaimanapun, anak seni yang mahu terjun ke dunia politik perlu menimbang hala tuju mereka supaya bukan semata-mata bertujuan meraih populariti.

Apatah lagi, berpolitik dan menganggotai parti politik adalah dua perkara berbeza. Keputusan menyertai parti politik pastinya dipengaruhi banyak faktor.

Berdasarkan pemerhatian menerusi kempen dan aktiviti kepartian, penyertaan artis dalam parti

banyak bermatlamat memperjuangkan 'perikuh nasi' golongan orang seni, tetapi ada juga mendakwa kerana kecewa dengan parti pemerintah.

Golongan ini biasanya menyertai pembangkang kerana beranggapan ia pentas lebih sesuai menyuarakan pandangan, perjuangan dan hak rakyat.

Namun, skop dan hala tuju politik sangat luas. Menyertai parti politik bererti bukan sekadar membawa perjuangan dalam seni, malah melangkahi nasib dan masa depan agama, bangsa serta negara.

Benar menyertai parti politik, membolehkan artis berperanan aktif dan lantang sebagai ahli, tetapi mereka perlu menaungi liku dan sorotan perjalanan orang parti berbeza dengan kehidupan anak seni.

Sebaiknya mereka melengkapkan diri dengan ilmu sains politik, perang saraf dan komunikasi sebelum bertekad menjadi orang politik. Politik juga memiliki seni tersendiri yang perlu diselajari.

Ini bermakna, artis perlu mendalami politik dan aspek kepartian terlebih dahulu supaya dapat bersama-sama dalam wadah perjuangan membawa negara ke tahap lebih maju dan disanjung, sekaligus ikhlas menugaskan tugas serta bersedia menghadapi cabaran dan sekap terajang politik.

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
16 Julai 2022

Shafezah Abdul Wahab

Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Runding, struktur semula pinjaman

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bank-bank komersial perlu melaksanakan dasar 'buka pintu rundingan' kepada peminjam-peminjam khususnya golongan berpendapatan rendah (B40) berikutan kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) yang membawa kenaikan kadar faedah pinjaman.

Langkah itu akan membantu golongan itu yang merupakan golongan rentan daripada teruk terjejas akibat pertambahan bayaran ansuran bulanan pinjaman, yang diburukkan lagi dengan kenaikan kos sara hidup dan bahan makanan asas.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, bank sebagai ejen runding cara dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Keputusan Kadar Dasar Semalaman (OPR)

Tarikh	Perubahan dalam OPR (%)	Tahap OPR baharu (%)
6 Julai 2022	+0.25	2.25
11 Mei 2022	+0.25	2.00
3 Mac 2022	0	1.75
20 Januari 2022	0	1.75

Sumber: Bank Negara Malaysia

sepatutnya menyediakan ruang kepada peminjam B40 untuk memastikan mereka mampu menjelaskan komitmen bulanan secara konsisten.

"Mungkin pengetahuan dalam pengurusan kewangan bagi golongan ini terhad, maka, dengan adanya pakej ini, peminjam boleh membuat penstrukturan semula bayaran iaitu dengan bayaran lebih rendah dengan memanjangkan tempoh pinjaman. Mereka boleh berurusan di satu kaunter khas dengan membawa slip gaji masing-masing.

"Bank tidak akan rugi, cuma membantu memberi jalan penyelesaian pragmatik dengan memanjangkan tempoh bayaran. Saya yakin, bank yang mesra rakyat dalam tempoh sukar ini akan sentiasa diingati, malah inisiatif ini akan menggalakkan lebih banyak pelaburan pada masa akan datang," katanya ketika dihubungi semalam.

OPR mewakili kadar faedah minimum dikenakan dalam kalangan bank bagi pinjaman antara bank yang ditetapkan

oleh BN bertujuan mengawal bekalan wang dan mempengaruhi hala tuju ekonomi negara.

Kadar faedah kepada pinjaman orang awam akan terkesan sama apabila kadar faedah pinjaman wang antara bank terkesan kerana bank mengalihkan kos pinjaman lebih tinggi kepada pengguna menerusi kenaikan kadar faedah.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, lebih lima juta peminjam akan berdepan kenaikan kadar baharu faedah bank dan peningkatan kos sara hidup susulan langkah kerajaan menaikkan OPR dan B40 adalah golongan paling terkesan selepas kenaikan itu.

Semada dengan Mohamad Idham, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Dasar dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE), Dr. Zokhri Idris yang berkata, dalam proses penstrukturan semula itu berjalan, kedua-dua pihak perlu memas-

tikan terdapat ketetapan masa bayaran perlu diselesaikan mengikut nilai pinjaman tertentu.

"Contohnya, kalau pinjaman saya RM100 setiap bulan tetapi saya tidak mampu bayar dan setelah membuat perkiraan boleh bayar setakat RM50, berapa lama tempohnya saya boleh bayar pinjaman lebih rendah setelah dirunding dengan pihak bank," katanya.

Selain itu, Zokhri mengingatkan golongan B40 yang sudah membuat pinjaman dengan bank supaya tidak membuat pinjaman baharu, manakala mereka yang sudah meminjam untuk menjelaskannya sebelum OPR menaik lebih tinggi.

"Kalau ada dalam kalangan kita masih boleh jelaskan pinjaman, maka jelaskanlah. Tetapi bagi mereka yang terdesak dan tiada tunai yang cukup, cara terbaik ialah struktur semula pinjaman dan berbincang dengan bank," katanya.

Artikel Akhbar - Berita Harian
18 Julai 2022

Dr. Mohamad Idham Md Razak
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

Dasar 'tanggung terbalik' lemahkan ringgit

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan harus memiliki dasar-dasar meyakinkan dalam menentukan hala tuju negara dan bukan dasar 'tanggung terbalik' sehingga mempengaruhi nilai ringgit terus lemah berbanding mata wang asing.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Berhad, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, pelaksanaan dasar-dasar tersebut seperti pengambilalihan dan penggalangan buruh asing serta pemberian subsidi perlu lebih jelas kerana tadbir urus yang baik akan menjadikan nilai ringgit mengukuh.

Bersambung di muka 3

Dasar 'tanggung terbalik' lemahkan ringgit

Dari muka 1

"Kalau dasar kerajaan tuntas, ini akan mewujudkan kredibiliti yang baik. Pelabur pula akan mengetahui hala tuju negara manakala rakyat sendiri berasa yakin yang Malaysia ditadbir oleh kerajaan yang stabil.

"Jadi kerajaan perlu tonjolkan prestasi yang baik dan kalau dapat dikekalkan, sudah pasti wang akan mengalir masuk dan nilai ringgit akan naik semula," katanya ketika dihubungi semalam.

Baru-baru ini akhbar melaporkan, ringgit terus lemah apabila melepasi 4.450 berbanding dolar Amerika Syarikat

(AS).

Ringgit didagangkan pada 4.450 berbanding dolar AS dan matawang negara ditutup rendah berbanding sebelumnya pada 4.4490 daripada 4.4440.

Sementara itu, pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, kerajaan perlu menggarut ekspor barangan domestik terutama produk-produk pengusaha kecil dan sederhana bagi memastikan nilai ringgit kekal tinggi.

"Kerajaan boleh mengimpor antara kerugian daripada import dengan keuntu-

ngan daripada eksport akibat kejatuhan nilai ringgit. Selain itu, sebaiknya kerajaan memulakan pelan proaktif dari sekarang dengan menyediakan bahan makanan dalam negara

bagi mengurangkan keberangan-tungan import dari negara luar.

"Kerajaan juga perlu meneruskan pemberian insentif terutama bagi golongan rentan tanpa mengabaikan golongan berpendapatan dalam ringgit susut," katanya.

Menurut beliau, kejatuhan nilai ringgit ke paras lebih rendah akan mendatangkan kesan

buruk kepada rakyat apabila terpaksa membayar mahal untuk setiap barangan import sekali gus mencetuskan kesan susutan berbilang.

"Contohnya, alat ganti kenderaan yang diimport akan menjadi mahal dan bagi peniaga, kesan kenaikan kos itu akan dipindahkan kepada pelanggan. Malaysia juga bukan lagi tumpuan utama pekerja asing kerana pendapatan dalam ringgit susut," katanya.

Selain itu, kata Mohamad Idham, pesakit juga kini terpaksa membayar harga mahal untuk ubat-ubatan yang diimport dan sudah tentu caj rawatan di klinik melonjak.

Artikel Akhbar - Berita Harian
18 Julai 2022

Dr. Mohamad Idham Md Razak
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

Wujudkan undang-undang lebih tegas pelihara kesucian Islam



Oleh Shafezah Abdul Wahab
bhrencana@bh.com.my

Video seorang lelaki memaki Nabi Muhammad SAW dan Islam tular di media sosial yang membawa kepada penahanan individu terbabit kelmarin, menunjukkan keperluan melihat kembali isu perundangan sedia ada.

Penghinaan Islam menjadi isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan. Islam adalah agama Persekutuan dan diamuti lebih separuh rakyat di negara ini. Justeru, perbuatan mencemarkan kesucian dan memperlekehkan Islam boleh mencetuskan kemarahan umat Islam.

Apa lagi sudah timbul tanggapan orang Islam dan agama itu sendiri mudah dihina serta dipermudahkan, termasuk daripada orang sesama seperti berlaku dalam kes wanita menghina Islam dengan menanggalkan pakaian di khalayak awam selepas mendakwa menghafaz 15 juzuk al-Quran.

Apa yang berlaku menunjukkan penghinaan terhadap Islam di media sosial masih tidak dapat ditangani sebaiknya menerusi sistem perundangan sedia ada. Tiada peruntukan jelas dan tegas mengenai penghinaan Islam dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ketika ini, kesalahan menghina agama hanya boleh didakwa di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksamaan dan 233 Akta Komunikasi. Undang-undang syariah pula hanya boleh mengukuhkan jika sabit kesalahan individu Muslim menghina agama Islam. Namun, ia tidak boleh menggunakan peruntukan sama terhadap individu bukan Islam.

Undang-undang syariah dalam konteks media so-

sial juga mempunyai beberapa kelemahan mengakibatkan kesukaran membuat pendakwaan dan penubuhan kes kerana skop kesalahan menghina agama terlalu umum dan kabur.

Hukuman berat perlu diberikan kepada pelaku supaya menjadi keteladan dan pengajaran sangat penting kepada seluruh rakyat agar saling hormat-menghormati. Ironinya, ini bukan kes pertama seumpamanya kerana sebelum ini sudah kerap sensitiviti umat Islam terus dicabar.

Tindakan perundangan

Kepemimpinan negara dituntut umat Islam perlu bangkit bersama masyarakat mengambil tindakan dan menghukum terhadap mana-mana individu cu-

“Apa yang berlaku menunjukkan penghinaan terhadap Islam di media sosial masih tidak dapat ditangani sebaiknya menerusi sistem perundangan sedia ada. Tiada peruntukan jelas dan tegas mengenai penghinaan Islam dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan”

ba mencetuskan sensitiviti agama serta perkataan boleh menggugat keamanan negara berdasarkan pelbagai saluran, termasuk perundangan.

Kesamaan asas utama menegakkan Islam, sekali gus mematuhi dan memakmurkan negara. Kedaulatan Islam pasti tercalar jika kesamaan negara tergugat dan mustahil untuk menegakkan syariat Islam jika negara terus diganggu-gugat sebegini.

Pada masa sama, perlu diperitinkan konteks dan aspek faktor penghinaan terhadap Islam yang berkait rapat dengan isu pendidikan, hubungan etnik dan politik serta undang-undang.

Dalam konteks umat Islam sendiri, kefahaman terhadap agama, didikan ibu bapa dan pengaruh pemikiran liberalisme sangat berkait rapat dengan isu pendidikan serta pematangan dakwah di negara ini.

Politik dan undang-undang turut dikaitkan sebagai antara aspek boleh menyebabkan berlakunya penghinaan Islam di negara ini.

Malah, berdasarkan pengamatan, isu agama turut dimalukan, terutama menjelang pilihan raya yang lazimnya mengakibatkan tercetusnya perubahan dan percakapan yang memperlekehkan agama.

Akhirnya, keberanian melakukan perbuatan menghina agama Islam juga bertitik tolak daripada tiadaanya peruntukan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini mendorong setengah pihak memburukkan serta merendahkan imej Islam tanpa rasa takut dikenakan tindakan undang-undang.

Justeru, sudah tiba masanya kerajaan meminda peruntukan dalam Perlembagaan atau mewujudkan Rang Undang-Undang (RUU) lebih tegas untuk memastikan insiden penghinaan kepada Islam tidak lagi berlaku sama ada orang Islam sendiri mahupun bukan Islam.

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
19 Julai 2022

Shafezah Abdul Wahab

Pensyarah Kanan

Fakulti Komunikasi Pengajian Media

UiTM Cawangan Melaka

Harga barang naik, rakyat terbeban



SHAFÉZAH
ABDUL
WAHAB



DR NUR
SHAZANA
ARIF RANI

Sana sini rakyat dalam keadaan resah dan gelsah. Poket rakyat ketika ini gawat kerana kenaikan harga barang yang melonjak secara mendadak.

Paling terkesan tentulah rakyat daripada golongan B40 yang sekadar kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Namun, ekoran kenaikan harga barang, ramai rakyat B40 kini tidak dapat makan petang.

Harga barangan keperluan harian seperti telur, sardin, ikan, ayam, daging, sayur-sayuran, minyak masak, gandum dan bermacam-macam lagi mengalami bagaikan tiada pihak yang mampu mengawalinya.

Ini menyebabkan bukan sahaja rakyat B40 yang merana tetapi mereka daripada golongan M40 juga sedang merasai keperluan hidup.

Kenaikan harga barangan ketika ini amat membimbangkan berikutan rakyat semakin terkenan kerana perlu menghadapinya selepas terkesan dengan impak penularan Covid-19.

Covid-19 sejak dua tahun lalu.

Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu konsisten memantau kenaikan harga barangan ini dengan lebih agresif. KPDNHEP juga perlu mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

Mereka yang dijumpai melakukan kesalahan itu perlu dikenakan denda. Bagaimanapun, kerajaan penjual juga harus dijaga oleh kerajaan dengan menjenakan harga siling bagi harga barang.

Para pengguna juga perlu bijak membel dari pada peniaga yang menjual pada siling yang disyorkan. Selain itu, kerajaan wajar melaksanakan langkah intervensi bagi menstabilkan harga barangan keperluan di pasaran sekali gus mengelak rakyat terus terkesan dengan isu kenaikan harga.

Bayaran tambahan RM50 dan RM100 dibekalkan kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) seperti diumumkan kerajaan dilihat tidak mencukupi untuk membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga.

Tambahan RM100 itu tidak memberikan makna besar kalau kerajaan tidak dapat mengawal peningkatan kos.

Peningkatan kos ini perlu distabilkan dengan intervensi kerajaan dan perlu



Kenaikan harga barangan ketika ini amat membimbangkan berikutan rakyat semakin terkenan kerana perlu menghadapinya selepas terkesan dengan impak penularan Covid-19 sejak dua tahun lalu.”

ada intervensi serta dana untuk menstabilkan harga barangan keperluan.

Bukan malah menggalakan rakyat tidak bersyukur dengan bantuan diberikan, namun ia sememangnya tidak mencukupi. Bantuan ini amat diperlukannya dan ia memberi sedikit kelegaan, tetapi tidak cukup.

Nilai RM100 itu jika dilihat dalam tempoh sebulan, sebenarnya secara purata hanya tambahan RM3 sehari dan jumlah itu tidak memberikan apa-apa perbezaan memandangkan masalah inflasi hari ini agak serius.

BKM juga tidak diberikan secara menyeluruh tentamua kepada golongan M40 yang turut menerima implikasi langsung berikutan langkah kerajaan memansuhkan beberapa subsidi.

Mereka merupakan golongan pertengahan yang kebanyakannya tidak mencapai bantuan BKM.

Harapan rakyat, kerajaan perlu mengambil tindakan mengekang kenaikan harga barang.

Dalam masa yang sama, memastikan keperluan barangan-barang asas seperti beras, minyak, gula, tepung dan sebagainya tidak pulas.

Pesta naik harga ini telah banyak membebankan rakyat. Sebab itulah agaknya banyak cerita orang terjun Jambatan Pulau Pinang dan kisah-kisah lain yang menyayat hati berlaku sejak kebelakangan ini akibat terkenan kemara hakikatnya rakyat secara merana.

Kerajaan khususnya KPDNHEP perlu terus untuk merombak semula atau menggunakan pendekatan baharu dalam memastikan bahawa subsidi berasas dioptimumkan dengan baik sekali gus memastikan harga barangan stabil.

Sungguhpun perlu terima dan akur dengan apa yang sedang berlaku, kesabaran setiap rakyat mempunyai hadnya, sensitiviti rakyat perlu di jaga. Malaysia bertuah kerana rakyatnya bukan seperti Sri Lanka tetapi ingat, kuasa rakyat oleh diterjemahkan melaluiundi tidak lama lagi.

* Penulis merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
19 Julai 2022

Shafezah Abdul Wahab & Dr. Nur Shazana Abdul Rani

Pensyarah Kanan

Fakulti Komunikasi Pengajian Media

UiTM Cawangan Melaka



AHMAD ISLAH LOT

SINONIM dengan minggu-minggu akhir sesi pembelajaran dan pengajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM), mahasiswa serta mahasiswi terlihat sibuk dalam menyediakan persiapan untuk perjuangan minggu akhir mereka di kampus.

Para mahasiswa kini bakal berhadapan dengan peperiksaan akhir dan juga penilaian akhir bagi setiap kursus yang mereka ceburi. Setelah 14 minggu berada di kampus dan akhirnya, minggu yang mendebarakan telah pun tiba.

Semester kali ini merupakan semester yang agak unik dan berbeza semestelah wabak COVID-19 yang banyak mengubah cara hidup masyarakat di Malaysia. Setelah melakukan pembelajaran secara atas talian buat tempoh dua tahun lamanya, mahasiswa di UiTM Kampus Bandaraya Melaka akhirnya pulang ke kampus.

Segelintir mahasiswa terlihat kekok dalam melaksanakan tugas berkumpulan secara

bersemuka, menghadiri kelas serta berkunjung ke kafe. Aktiviti-aktiviti yang selama ini dilakukan di rumah, lebih terperinci lagi di dalam bilik tidur kini dilakukan di dunia nyata.

Setiap minggu pembelajaran di universiti, setiap mahasiswa akan diberikan tugas ataupun 'assignment' yang sudah pasti menjadi suatu kelaziman dalam tentatif harian mereka. Keluar-masuk ke bilik pensyarah juga merupakan perkara yang kerap bagi para mahasiswa bagi berbincang tentang permasalahan pembelajaran mereka setelah selama ini hanya berhubung melalui aplikasi telefon pintar mudah alih seperti 'Whatsapp'.

Aktiviti seperti rombongan sambil belajar, latihan padang juga tetap diteruskan seperti mana yang dilakukan sejak sebelum pandemik COVID-19. Sebagai contoh, mahasiswa dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan

(Pemasaran) semester 5 telah menyertai rombongan ke Bukit Senggeh, Selangor, Melaka pada 6 Julai.

Rombongan bertujuan bagi membantu dan membimbing peniaga-peniaga kecil dalam memajukan perniagaan mereka dan merupakan salah satu aktiviti pemarkahan keseluruhan mereka pada semester ini.

Selain itu juga, tugas kepada para mahasiswa menuntut di UiTM seperti kuiz mahupun ujian juga adalah warna-warni yang menghiasi kehidupan di kampus. Perpustakaan dan bilik belajar juga dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar UiTM Kampus Bandaraya Melaka.

Intihanya, persiapan awal perlu dilakukan agar keputusan yang diperoleh mahasiswa

berakhir dengan cemerlang dengan gemilang.

Ramai pelajar yang tidak tidur malam dan bersenggang mata bagi membebankan tugas-tugas akhir mereka.

Mahasiswa dan mahasiswi juga diharapkan dapat memberikan fokus menyeluruh dan pada masa sama, menjaga kesihatan serta mendapatkan waktu tidur yang cukup.



PELAJAR Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) semester 5 mengadakan rombongan ke Bukit Senggeh, Melaka baru-baru ini.

Artikel Akhbar - Wilayakhu
22 Julai 2022

Ahmad Islah Lot
UiTM Kampus Bandaraya Melaka



KES bunuh diri dengan cara terjun dari jambatan agak kerap berlaku di Pulau Pinang. – UTUSAN/ IQBAL HAMDAN

Jangan pandang remeh isu kesihatan mental

SAUDARA PENGARANG,

ISU kesihatan mental tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak memandangkan laporan berita yang dikeluarkan dari semasa ke semasa menunjukkan gejala ini semakin serius.

Berdasarkan laporan terbaru yang dikeluarkan pada Jun lalu, secara purata 77 orang membunuh diri setahun dalam tempoh tiga tahun sehingga Mei 2022 di Pulau Pinang. Kes bunuh diri dengan cara terjun dari jambatan merupakan antara yang agak kerap berlaku di negeri itu sehingga mendapat perhatian ramai pihak.

Antara punca yang menyumbang kepada kes bunuh diri ini adalah masalah kewangan dalam keluarga, bebanan hutang tinggi selepas kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, tekanan dan kemurungan melampau serta kehilangan semangat untuk meneruskan kehidupan.

Kegagalan berfikir dengan baik akhirnya membawa kepada kehilangan pertimbangan diri sekali gus mendorong kepada perbuatan tidak diingini tersebut.

Dalam tempoh yang sukar ketika fasa endemik Covid-19 dan inflasi ini, kesihatan mental ternyata suatu perkara yang amat penting untuk dijaga.

Sokongan dan motivasi yang diberikan kepada satu sama lain, baik sesama ahli keluarga atau sesama anggota masyarakat sekurang-kurangnya berupaya melahirkan semangat positif dalam meneruskan kehidupan di era norma baharu ini.

Semestinya perubahan yang perlu dilakukan ini bukanlah suatu hal yang mudah dalam menukarkan gaya hidup rutin harian kepada gaya hidup baharu.

Ketahanan mental untuk mengharungi setiap permasalahan dalam tempoh fasa-fasa melandaikan jumlah kes harian Covid-19 ini dirujuk sebagai amat penting.

Usaha kerajaan melalui pelaksanaan Talian Kasih 15999 yang berfungsi sebagai Talian Khas Kaunseling Covid-19 wajar disokong dan dihebahkan dengan lebih meluas di media arus perdana serta media baharu bagi membolehkan lebih ramai masyarakat tampil dan mendapatkan khidmat tersebut.

DR. MOHAMAD HAFIFI JAMRI

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Kampus Alor Gajah

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
27 Jun 2022

Dr. Mohamad Haffi Jamri

Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka



Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 772785804005